

16 DEC 2002

MUSTAPA-LANGKAH/I

TERLALU AWAL UNTUK ADAKAN LANGKAH BARU, KATA MUSTAPA

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed hari ini berkata adalah terlalu awal untuk bercakap mengenai butiran langkah-langkah baru yang boleh membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Mungkin ada orang yang mempunyai sesuatu idea tetapi adalah terlalu awal untuk bercakap apa-apa buat masa ini," katanya kepada pemberita selepas berceramah mengenai "niche" Malaysia dalam ekonomi anjuran Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), di sini.

Beliau berkata agensi-agensi yang terlibat dalam merangka sebarang langkah belum berbincang mengenainya secara kolektif.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tambahnya, akan mengumumkan butiran langkah-langkah baru, sekiranya ada, apabila tiba masanya.

Apabila ditanya samada MTEN telah menyenaraikan idea-ideanya sendiri, Mustapa berkata majlis itu belum mengeluarkan sebarang syor kerana para anggotanya masih "di peringkat berfikir".

Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Jarjis, minggu lepas, berkata kerajaan sedang mengkaji langkah-langkah yang mungkin akan dibuat untuk membantu negara menghadapi cabaran yang akan timbul daripada ancaman keselamatan dunia.

Sementara itu, Mustapa, dalam ceramahnya, berkata negara memerlukan usahawan-usahawan baru yang mempunyai kualiti untuk memandu negara dengan jayanya dalam suasana yang lebih dinamik.

Beliau berkata adalah penting bagi usahawan-usahawan ini bekerjasama dengan usahawan tradisional dalam ekonomi lama, dengan usahawan lama membiayai projek usahawan baru.

Para bank juga perlu memainkan peranan lebih aktif dalam membiayai projek-projek baru.

"Oleh kerana kita kini menangani teknologi dan industri baru, mungkin perlu bank memberikan pegawai kredit mereka pendidikan dan latihan bagaimana hendak menganalisa risiko kredit perniagaan-perniagaan baru ini," katanya.

Jika tidak, tambahnya, industri-industri baru ini akan menghadapi kekurangan pembiayaan yang serius.

Tentang niche pasaran Malaysia dalam ekonomi baru ini, Mustapa berkata ia boleh didapati dalam sektor seperti ICT, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan.

Beliau berkata sektor perkhidmatan telah tumbuh dengan pesat sejak bertahun-tahun dan kini ia menyumbang 56 peratus kepada ekonomi Malaysia.

Mustapa menambah bahawa satu lagi bidang yang boleh dimajukan untuk dipromosikan ke sebarang laut adalah perkhidmatan profesional dalam perakaunan, nasihat perundangan, nasihat kewangan dan perundingan. --

BERNAMA

NN KTC JR